

Soalan No: 86

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL  
AZIZ [PASIR MAS]****TARIKH : 27.7.2017****SOALAN :**

**Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kesan penilaian terhadap polisi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang diterapkan di sekolah rendah berikutan keputusan UPSR 2016.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha memastikan semua murid didedahkan dan diberi pendidikan yang merangkumi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Elemen KBAT dimasukkan secara eksplisit dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) setiap mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017 dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). KPM telah menyediakan dua (2) buah buku iaitu Perincian Elemen KBAT dan buku KBAT: Aplikasi di Sekolah pada tahun 2014 sebagai panduan guru untuk melaksanakan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran.

Di samping itu, elemen pentaksiran KBAT dalam silibus KSSR, merupakan pemacu kepada pembelajaran murid di sekolah. Pelaksanaan elemen KBAT dalam pentaksiran dapat merangsang dan menggalakkan murid berfikir secara kreatif dan kritis sejajar dengan kemahiran abad ke 21. Antara hasrat utama pentaksiran KBAT ialah membangunkan modal insan yang berfikiran inovatif dan di luar kotak kompetitif serta berdaya saing tinggi di peringkat global.

RJM40